

27 JUN 1998

Najib-pelajar

SUARA PENDAPAT IKUT SALURAN, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Golongan pelajar bebas menyuarakan pendapat mereka bagi perhatian kerajaan dengan secara tertib dan mengikut saluran yang sah, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kita (kerajaan) tidak menutup keinginan pelajar untuk menengahkan pandangan dan cadangan mereka kepada kerajaan dan saya berharap para pelajar menggunakan saluran yang telah kita tetapkan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menutup Seminar Kepimpinan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam di sini hari ini, Najib berkata pelajar negara ini tidak cenderung untuk melakukan gerakan seperti pelajar Indonesia yang terdesak menuntut reformasi berikutan kegawatan ekonomi.

"Saya lihat bahawa di kalangan pelajar tidak ada keinginan untuk melakukan apa yang telah berlaku di Indonesia sebab mereka rata-rata melihat bahawa dasar dan sistem kita sudah cukup baik.

"Kalau ada rasa tidak puashati ialah pelaksanaan dalam beberapa aspek," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad bahawa terdapat beberapa pemimpin mahasiswa Indonesia dibawa masuk ke Malaysia oleh pihak tertentu untuk menghasut pelajar tempatan, Najib berkata kerajaan sentiasa mengawasi keadaan termasuk pengaruh luar yang boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan negara.

Katanya keadaan di semua IPTA sekarang tenang dan tidak ada apa-apa peristiwa yang membimbangkan sehingga boleh menyebabkan golongan pelajar mengadakan sebarang gerakan yang boleh menggugat ketenteraman negara.

Dr Mahathir semasa merasmikan seminar itu semalam menasihatkan pelajar supaya tidak mudah terpengaruh dengan unsur dari luar dan mengambil tindakan untuk memperbetulkan kerajaan.

Ditanya mengenai laporan bahawa pemimpin pembangkang Indonesia, Amien Rais akan datang ke Malaysia, Najib berkata: "Tidak tahulah apa perkembangannya tapi kita berharap pelajar di sini mengasingkan apa yang berlaku di Indonesia dengan apa yang berlaku di Malaysia."

Menurut satu kenyataan International Movement for a Just World semalam, Amien Rais akan berucap mengenai "Demokrasi dan Reformasi di Indonesia" pada satu forum di Universiti Malaya pada 10 Julai ini.

-- BERNAMA

HS MAI